

FINAS peruntuk RM1 juta untuk tingkat kemahiran bidang profileman

UB 28.1.2014 B14

PERBADANAN Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) memperuntukan kira-kira RM1 juta bagi melaksanakan pelbagai program pembangunan modal insan penggiat seni



profileman pada tahun ini.

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Finas Fatimah Ahmad berkata peruntukan itu digunakan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan golongan berkenaan mengenai industri profileman.

Katanya terdapat beberapa kursus dan bengkel kemahiran yang boleh diikuti oleh penggiat seni profileman seperti pengarahan, penulisan skrip, senimatografi dan

pengurusan produksi.

“Untuk program 2014, kita telah menyusun dan menyiapkan (jadual) mulai Januari hingga Disember ini... penggiat industri filem (yang berminat) boleh melayari laman web Finas (www.finas.gov.my) untuk

maklumat lanjut,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis menandatangani Surat Hasrat antara Finas, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Metrowealth International Group (MIG), pada Khamis lepas.

Surat Hasrat itu bertujuan menjalin kerjasama antara ketiga-tiga institusi dalam membangunkan industri profileman negara melalui penganjuran program pembangunan filem,

pertukaran pelajar dan kakitangan.

Fatimah berkata pendekatan itu adalah platform terbaik memberi pendedahan dan latihan awal kepada pelajar UMS khususnya Sekolah

Pengajian Seni, selain membantu membangunkan tenaga mahir dalam industri profileman tempatan.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan) UMS Prof Dr Shahril Yusof berkata kerjasama itu memberi peluang kepada pelajar menimba pengalaman dan melihat realiti sebenar bidang itu, memandangkan industri kini lebih berminat mengambil graduan yang mempunyai nilai tambah.

“Dalam masa sama, UMS juga dalam usaha meningkatkan aktiviti profileman di Sabah kerana terdapat pelbagai lokasi di negeri itu yang cantik, menarik, keunikan budaya dan sejarah yang boleh ditonjolkan bukan hanya melalui filem tetapi juga dokumentari,” katanya.

— Bernama

PROF Shahril Yusof (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif MIG Mejar (K) David Teo (kanan) bertukar-tukar dokumen selepas menandatangani surat niat berkenan sambil diperhatikan Fatimah (tengah). — Gambar Bernama